

FENOMENA EL NINO

HAFEZDZULLAH HASSAN, ISMADI ISMAIL, MARLIA ZAKARIA

Sinar Harian

15/3/2016

m/s 36

INFO

Apa itu El Nino?

- El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.
- Fenomena tersebut boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di sesetengah kawasan, sementara di kawasan lain berlaku kemarau berpanjangan.
- Kesan El Nino bukan datang secara berterusan tetapi perlahan-lahan sehingga boleh mencecah enam hingga 18 bulan kerana tempoh hayat sesuatu fenomena adalah 18 bulan.

membawa kepada ancaman jerebu dan negara dilanda El Nino dalam kategori kuat boleh menyebabkan jerebu teruk serta beri kesan terutama kepada kesihatan, sektor pertanian, sektor penerbangan, bekalan air dan aktiviti luar.

- Cuaca panas juga meningkatkan kes penyakit sensitif iklim seperti taun, demam denggi dan malaria.
- Malaysia pernah dilanda El Nino sebanyak 12 kali dan yang terburuk pada 1982, 1983, 1997 dan 1998. Cuaca paling panas pernah direkodkan di negara ini ialah 40.1 darjah celsius iaitu ketika El Nino pada 9 April 1998 di Chuping, Perlis.

- Kesan El Nino boleh diukur mengikut kategori, iaitu lemah, sederhana dan kuat dengan setiap kategori ditentukan berdasarkan tahap kenaikan suhu air di Lautan Pasifik.
- Peningkatan suhu sababkan kekeringan melampau boleh

CUACA PANAS
— Nasihat kepada orang ramai

Cuaca panas memberi tekanan fizikal kepada tubuh manusia. Kesan terhadap teshatan boleh jadi dari tahap sederhana (mild) kepada yang boleh menyebabkan maut contohnya akibat strik haba. Risiko bertambah jika mereka memakai pakaian yang tebal dan ketat yang menghalang haba keluar daripada penyetaran/pengeperingan peluh. Keadaan yang terlalu teruk boleh menyebabkan dehidrasi (ketegangan), ketiduan dan tidak sedarkan diri (koma).

Peringatan: Jika berlaku masalah dengan cuaca panas

1. Mereka yang terlibat dengan kegiatan aktiviti fizikal di luar seperti beruk, pebadang, ahli sukan, tentera, polis dan lain-lain
2. Orang dewasa (berumur 40 tahun ke atas) mempunyai risiko 10 kali ganda berbanding dengan mereka yang lebih muda
3. Penghidap penyakit darah tinggi, jantung, kering manis dan penyakit kelenjar tiroid
4. Kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah
5. Penghidap penyakit sistem peredaran

Antara gejala cuaca panas melampau adalah:

- Sakit kepala
- Kelelahan
- Letih, muntah
- Pusing
- Lesak, otot-otot atau ketegangan
- Mual dan muntah

Elak pembakaran terbuka

SHAH ALAM – Orang ramai dinasihatkan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka sepanjang musim panas dan kering yang sedang dialami sekarang.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, pihaknya mengenal pasti sebanyak 98 peratus individu melakukan aktiviti pembakaran terbuka di kawasan kebun dan ladang.

Beliau berkata, baki dua peratus adalah disebabkan faktor kecuaiian manusia seperti membuang puntung rokok sembarangan dan ia juga antara punca berlakunya kebakaran terbuka cuaca panas.

"Cuaca panas serta kering sekarang menyebabkan api cepat merebak terutama di kawasan hutan belukar dan semak.

"Oleh itu, kita lakukan banyak rondaan dan pemantauan di kawasan yang sering berlaku kebakaran, selain adakan program kesedaran supaya orang awam tak buat pembakaran terbuka," katanya.

Mohd Sani berkata, pihaknya bagaimanapun sentiasa bersedia bagi menghadapi pe-



KHIRUDIN



MOHD SANI

ningkatan jumlah kebakaran terutama kebakaran terbuka.

"Apa yang penting orang ramai perlu peka dan tak melakukan pembakaran terbuka sepanjang musim panas dan kering sekarang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bomba Dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahan berkata, persediaan untuk menghadapi fenomena ini sedang rancang dibuat.

"Program advokasi berkaitan pembakaran terbuka dan 'good housekeeping' kepada persekitaran di kawasan berpotensi juga sedang direncanakan. Lawatan dan langkah-langkah kawalan juga sedang dirancang bersama ketua-ketua

balai bomba dan penyelamat di Kuala Lumpur," katanya.

Khirudin berkata, peralatan dan persediaan anggotanya dalam keadaan siap siaga.

"Selain itu, kesedaran awam amat diperlukan agar fenomena ini ditangani dengan baik. Kita mengkaji dan mengenal pasti insiden lalu bagi elak kejadian sama berulang," katanya.

Menurutnya, info berkaitan fenomena cuaca panas akan dikeluarkan Pusat Pengurusan Operasi (PPO).

"Ketua pengarah dan timbalan ketua pengarah (operasi) pula akan mengeluarkan kenyataan, manakala pengarah negeri akan melaksanakan polisi dan arahan," katanya.